

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KHEMAM KERJA BIMBINGAN SRP/SPM PERSATUAN
BADAN-BADAN BERKANUN MALAYSIA
Lokasi : KOMPLEKS JEMAAH HAJI KELANA JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 23-11-1987

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Dato Haji Hanafiah bin Haji Ahmad, Yang Dipertua Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia;

Dif-dif Kehormat;

Puan-puan dan tuan-tuan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia atas jemputan merasmikan Majlis pada pagi ini.

2. Saya berasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan serta anak-anak sekalian pada hari ini bagi merasmikan Khemah Kerja Bimbingan SRP/SPM anjuran Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia atas usaha mereka menganjurkan Khemah Kerja Bimbingan SRP/SPM ini sejak tahun 1985.

3. Langkah ibu bapa dan anak-anak menyertai program ini haruslah dipuji kerana golongan ini merupakan golongan yang mempunyai kesedaran yang mendalam terhadap penggunaan masa dengan cara yang paling berfaedah di waktu cuti sekolah yang panjang ini. Program yang diatur menampakkan bahawa pihak penganjur telah dengan begitu teliti memastikan bahawa masa anak-anak tersebut dapat digunakan dengan baik.

4. Bagi anak-anak yang tidak berpeluang menyertai program seperti ini suka saya menyeru kepada mereka agar menggunakan masa cuti sekolah dengan kegiatan yang mendatangkan faedah kepada diri mereka sendiri, keluarga dan masyarakat. Kepada masyarakat dewasa pula suka saya menyarankan agar mereka dapat mengatur program seperti ini di tempat-tempat tinggal mereka seperti di kawasan-kawasan perumahan, rumah-rumah pangsa dan kampung-kampung dengan menggunakan masjid, surau atau dewan orang ramai. Ini akan menentukan bahawa anak-anak mereka dapat menggunakan masa yang sangat berharga itu dengan sebaik-baiknya .

5. Masa adalah modal yang paling berharga bagi setiap individu. Masa yang digunakan untuk menambah pengalaman serta pengetahuan merupakan satu pelaburan yang tidak akan merugikan. Allah Subhanahu Wataala juga ada menyebut tentang masa di dalam Al-Quran. Menggunakan masa ke arah kepentingan Ummah serta diri adalah satu ibadat.

6. Saya difahamkan bahawa anak-anak ini akan juga dilatih untuk mengerjakan ibadat sembahyang secara berjemaah dan diberi ceramah agama bagi meluaskan pengetahuan mereka mengenai amalan-amalan wajib rukun Islam. Saya berharap langkah tersebut akan melahirkan rasa takwa dan kasih yang sebenar kepada Allah dan mereka akan terus mengamalkan rukun Islam selepas program ini.

7. Mengamalkan apa yang dipelajari dalam tempoh yang singkat ini adalah lebih penting. Pengetahuan dan pengalaman yang tidak diguna merupakan satu kerugian yang tidak ternilai. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama menanam ciri-ciri kepimpinan dan nilai-nilai positif di hati sanubari anak-anak ini supaya mereka akan menjadi rakyat dan pemimpin yang berguna kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan

8. Kita semua merupakan pemimpin dalam konteks yang tersendiri kerana setiap ibu atau bapa adalah pemimpin kepada unit kecil yang paling penting iaitu keluarga.

Institusi asas inilah yang akan menentukan arah kemajuan atau keruntuhan satu-satu negara dan tamadun seperti yang telah dibuktikan oleh sejarah. Dari itu usaha untuk menanam sikap kepimpinan kepada anak-anak kita bermula di rumah dan dari peringkat awal lagi, iaitu semasa anak-anak kita sedang membesar dengan kita menjadi contoh dan teladan kepada mereka. Aspek-aspek kepimpinan yang mereka pelajari bergantung kepada kepimpinan yang mereka dapati daripada ibu bapa mereka sendiri.

Anak-anak sekalian,

9. Masyarakat hari ini merupakan satu masyarakat yang memerlukan individu yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Gunakan program ini untuk memperluaskan daya cipta dan pemikiran anak-anak. Pemikiran yang kreatif dan semangat berdagang akan membolehkan seseorang itu berjaya dalam hidup. Tokoh-tokoh yang terkenal di dunia hari ini mempunyai daya kreativiti yang tinggi yang boleh kita teladani. Kita sedar bahawa keadaan ekonomi negara sedang menghadapi satu zaman yang sungguh mencabar dan generasi anak-anak mestilah mempunyai daya berdagang yang tinggi supaya dapat mencari pekerjaan sendiri dan tidak bergantung kepada Kerajaan semata-mata. Inilah satu hakikat yang anak-anak mesti hadapi di masa hadapan.

10. Pengangguran wujud apabila seseorang tidak lagi dapat mendisiplinkan diri untuk berdagang. Disiplin diri tidak akan membiarkan seseorang membuang waktu menanti dan mengharap orang membela nasibnya. Ia akan dengan sendiri berusaha ke arah mencari kepuasan hidup berlandaskan disiplin diri. Dari jadual yang diatur melalui program ini anak-anak akan dapat menghayati pentingnya nilai disiplin diri. Disiplin diri juga akan dapat menjauhkan anak-anak daripada kegiatan-kegiatan tidak sihat dan ancaman dadah.

11. Saya suka mengingatkan anak-anak dan ibu bapa sekalian akan bahaya dadah kerana ia menghilangkan segala bentuk nilai pertimbangan kemanusiaan. Jadi marilah kita sama-sama menentukan bahawa generasi muda kita lengkap dengan benteng dan senjata untuk memerangi ancaman dadah ini.

12. Saya berharap anak-anak yang hadir pada hari ini akan bertekun dan menghayati sepenuhnya tujuan serta semangat program ini. Semoga Allah memberkati usaha-usaha kita yang murni ini.

13. Dengan itu maka saya dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang merasmikan Khemah Kerja Bimbingan SRP/SPM bagi tahun 1987 ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.